

# 20 Tahun UMS: Merubah Idea menjadi realiti

NST 20.2.2014 18

TANGGAL 24 November 1994 menjadi detik keramat buat seluruh warga Bumi di Bawah Bayu apabila Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohammad dalam satu Majlis Perhimpunan Bersama Rakyat melaungkan pengisytiharan penubuhan sebuah universiti awam di Negeri Sabah.

Bertempat di Padang Pekan Beaufort, pengumuman itu disambut dengan sorakan penuh kegembiraan para ibu bapa dalam ucapan syukur dan linangan air mata sambil membayangkan masa depan anak-anak yang semakin cerah dalam mengubah nasib keluarga.

Lantas, penubuhan universiti itu yang kemediannya dinamakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mulai menjadi tumpuan anak-anak watan dalam meneroka ilmu dengan berpaksikan moto Bertekad Cemerlang.

Tatkala itu UMS baru bertarikh dengan tiga buah sekolah dan satu pusat; iaitu Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi serta Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Universiti ini terus meniti detik dan waktu dalam proses menerima dan melahirkan graduan di samping mengalami pelbagai evolusi seiring dengan usianya yang genap 20 tahun menjelang November depan.

Muktahir ini, UMS telah mempunyai 13 buah sekolah, 16 pusat penyelidikan dan dua kampus cawangan di Labuan dan Sandakan. Menjengah usia dua dekad ini juga, UMS telah berjaya melahirkan seramai 46,318 graduan dalam pelbagai bidang dengan purata kemasukan pelajar baharu seramai 4,000 orang setahun. UMS dimantapkan dengan barisan tenaga pengajar seramai 936 orang dan dibantu oleh kakitangan pengurusan dan profesional serta kakitangan sokongan pelaksana seramai 1,726 orang yang sentiasa bertungkus lumus, berdedikasi, ikhlas bekerja demi satu arah satu tujuan untuk manfaat anak bangsa.

Berdasarkan statistik pada tahun 2013 juga menunjukkan hampir 40 peratus pelajar UMS telah diambil bekerja dalam masa beberapa bulan selepas memperoleh ijazah. Ini bermakna, menjelang hujung tahun, semakin bertambah bilangan dan peratus graduan diambil bekerja. Statistik pekerjaan pada tahun-tahun sebelumnya juga dalam jumlah peratusan yang hampir sama. Bukti ini, ke mana sahaja tempat di seluruh Malaysia, pasti akan bertemu dengan alumni UMS sama ada yang bekerja di agensi kerajaan, sektor korporat maupun mempunyai syarikat sendiri.

Pencapaian ini tidak mampu dicapai tanpa sumbangan yang tidak ternilai daripada setiap warga UMS yang selama ini bertungkus lumus mencurahkan bakti dan khidmat dalam memartabatkan keserjanaan keilmuan, menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi, membangunkan komuniti melalui khidmat masyarakat serta usaha mendidik minda, peribadi berintegriti, akhlak serta rohani anak bangsa.

Lantas, UMS kini terus ‘berlari’, melalui usaha-usaha mencorakkan idea menjadi realiti dan lebih fokus mencapai matlamat melestarikan kecemerlangan universiti. Sejak pelaksanaan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang digubal pada tahun 2007, banyak perubahan dalam sektor pendidikan telah berlaku, antaranya universiti telah menjalani Audit Pencapaian Akademik oleh Malaysian Qualification Agency (MQA), dua penilaian tahap pengajaran dan pembelajaran SETARA pada tahun 2009 dan 2011, Malaysian Research Assessment (MyRA) pada tahun 2011 dan juga Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (My3s). Setiap tahun UMS dinilai, namun berkat usaha dan kerjasama bersepadu, universiti ekokampus itu berjaya memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Langkah proaktif juga telah diambil untuk melaksanakan segala yang direncanakan dalam dasar tersebut dan direalisasikan melalui Pelan Strategik UMS 2008, *Blazing a Trail for Higher Education in Sabah: The Strategic Plan for UMS towards 2020 and Beyond*.

Bagi memantapkan lagi hala-tuju universiti, UMS di bawah pucuk pimpinan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah telah menggubal satu-satu lagi pelan tindakan strategik

pada tahun lalu yang dinamakan Universiti Malaysia Sabah Strategic Plan 2013-2017: *Sustaining Excellence towards International Prominence*. Pelan strategik ini mengandungi tujuh tujuan strategik utama yang setiap satunya dinilai mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bertujuan untuk memastikan UMS sentiasa melakukan penambahbaikan berterusan.

Tujuh Bidang Keberhasilan Utama (UMS KRA 2013-2017) itu merangkumi; Mempertingkatkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran, Mempertingkatkan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi, Mempertingkatkan keterlihatan dan reputasi di peringkat antarabangsa, Memperkuatkan tadbir urus, kepimpinan dan sistem penyampaian; Mempertingkatkan kelestarian kewangan, Mempergiatkan libatsama masyarakat dan industri, dan Menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.


Tanggungjawab meletakkan UMS setaraf dengan universiti ulung dunia dan dikenali di persada antarabangsa merupakan satu lagi cabaran yang kini perlu digalas. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh UMS adalah menjalankan kerjasama MoU dalam bidang penyelidikan marin dengan National University of Singapore (NUS).

Begitu juga The International School of Environmental Education Foundation Korea yang ingin bekerjasama menubuhkan sebuah cawangan di UMS dalam bidang pendidikan alam sekitar berkaitan tropical biodiversity, ecoculture dan alam sekitar. Tidak ketinggalan juga negara seperti Republik China, Brunei Darussalam dan Timor Leste berhasrat untuk mengeratkan jalinan kerjasama akademik pada tahun ini.

Sejajar dengan penggabungan semula Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UMS juga mengambil peluang ini untuk berkongsi sumber, kapakanan dan pengalaman dalam memantapkan sektor pendidikan negara bermula dari peringkat pra sekolah sehingga ke universiti. Salah satu langkah dalam usaha mengeratkan hubungan kerjasama ini adalah penganjuran Kuiz dan Pidato Sejarah Sekolah Peringkat Negeri Sabah yang dianjurkan oleh UMS, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Pengetua-pengetua Sekolah Sabah, Arkib Negara dan Muzium pada tahun ini. Pertandingan ini bertujuan untuk menyuntik minat dan kesedaran sejarah dalam kalangan pelajar sekolah kerana mata pelajaran Sejarah adalah subjek wajib lulus.

Universiti ini turut memupuk environmental citizenship sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar di peringkat nasional dan global. Sebuah pusat pengurusan yang dikenali sebagai Pusat Pengurusan EkoKampus ditubuhkan pada tahun lepas dan kini telah menampakkan hasilnya. Bagi tujuan ini, satu kerjasama telah diwujudkan dengan pihak swasta untuk membangunkan sebuah pusat kitar semula dalam kampus. Langkah seterusnya, universiti perlu merealisasikan bagaimana aspek mesra alam dari segi pengangkutan dalam kampus, pengurusan dan penjimatan air dan elektrik, penyelenggaraan bangunan dan pembangunan lanskap serta kesedaran kelestarian alam sekitar dapat dilaksanakan. Langkah-langkah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penjimatan kos operasi UMS.

Dalam usaha UMS melaksanakan polisi dan



KONVO... Majlis Konvokesyen UMS di Dewan Canselor.

pengetahuan dalam pemuliharaan alam sekitar di negeri ini melalui penyelidikan serta khidmat perundingan, UMS turut menjadi rakan penyelidik utama dalam program the *Bornean Biodiversity and Ecosystems Conservation* (BBEC) di Sabah. Ia adalah kerjasama selama 10 tahun bersama Taman-taman Sabah dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Kajian BBEC ini melibatkan kajian sains tabii dan sosial. Hasil dari kerjasama tersebut, ramai graduan sarjana dan doktor falsafah yang telah dihasilkan dalam menambah pengetahuan dan kesedayaan Sabah untuk menyumbang dalam polisi pemuliharaan bila diperlukan. Tambahan lagi, pada Disember tahun lalu, UMS maju setapak ke hadapan apabila telah dihubungi oleh *Korean International School for Environmental Conservation* (ISEE) yang ingin menubuhkan sekolah lapangan di Sabah dengan kerjasama UMS. Perundingan berjalan dengan lancar serta mendapat sokongan penuh daripada Taman-taman Sabah.

Bahwasanya, UMS sentiasa aktif dalam menyokong inisiatif yang dijalankan oleh komuniti setempat berhubung aspek memulihara budaya dalam kepelbagaiannya. Sebuah komuniti di Kota Belud yang dibiayai oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) sedang bekerjasama yakni pihak UMS bertindak sebagai penasihat dalam usaha memulihara budaya serta kepelbagaiannya biologi dan persekitaran mereka. Menariknya, komuniti tersebut menganggap budaya dan biologi sebenarnya berkait dan bukannya terpisah. Para pelajar dan kakitangan UMS akan terus memberikan sokongan yang sewajarnya pada program ini.

Sesungguhnya, kewujudan Universiti Malaysia Sabah telah merancakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di negeri Sabah. Lihat sahaja di sekitar UMS, pembangunan bandar baharu giat dijalankan. Oleh itu, Naib Canselor UMS turut menyeru agar seluruh warga universiti meningkatkan usaha dengan menceburi bidang-bidang ilmu baharu agar senantiasa relevan dan kompetitif. Penglibatan masyarakat dan pihak industri dalam UMS juga perlu diigitkan agar wujudnya pengaliran ilmu.

Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri Sabah

melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN) telah meminta UMS mengetuai Kumpulan Kerja Teknikal bagi merangka pelan tindakan pembangunan ekonomi negeri dalam Teras 1: Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi, Rancangan Malaysia Ke-11. Di samping itu, pihak UMS juga telah terlibat untuk merangka dan memurnikan Pelan Strategik ESSCOM baru-baru ini.

Sebagai tanda prihatin UMS terhadap ancaman dan pencerobohan bersenjata sebagaimana yang berlaku di Tandu, Lahad Datu; universiti akan sentiasa berkongsi maklumat dengan pihak keselamatan negara. Sedari awal, UMS telah banyak melakukan penyelidikan berhubung hal-hal keselamatan dengan data-data yang dikumpulkan mempunyai pelbagai input yang boleh menjadi perkongsian untuk manfaat dan keharmonian tanah air.

Sempena ulang tahun UMS yang ke-20 pada tahun ini, satu pelan transformasi penjenamaan universiti juga akan diadakan yakni melibatkan penukaran nama-nama kolej kediaman yang dahulunya dikenali mengikut abjad ABCD dan E. Kolej AB ditukar nama kepada kolej kediaman Tun Dr. Mahathir manakala kolej CD ditukarkan kepada Kolej kediaman Tun Mustapha dan kolej E diberikan nafas baharu sebagai kolej kediaman Tun Fuad Stephen.

Turut mengalami transformasi ialah nama Sekolah yang ditukar kepada Fakulti bagi merujuk kepada sekolah pengajian. Penjenamaan semula ini bertujuan untuk mempastikan UMS bergerak lebih pantas dengan beberapa rombakan besar yang akan dilaksanakan melibatkan penstrukturkan semula setiap sekolah bagi membentuk beberapa buah fakulti baharu.


Sesungguhnya, perjalanan UMS yang pada awalnya hanya sekadar impian, kemudian lahir dengan status menumpang, sebelum berdiri gagah di Teluk Sepanggar, nyata memberikan impak besar dalam pola sosio-ekonomi dan pendidikan masyarakat di negeri Sabah. UMS akan terus bertekad cemerlang sebagai pusat penyebaran ilmu dalam membangunkan modal insan seiring pemerkasaan penyelidikan yang berimpak tinggi. Sumber yang ada dikaji, ilmu di minda dikongsi, teknologi yang ada diinovasi sekali gus merobah idea menjadi realiti.



KHIDMAT  
MASYARAKAT...  
Pelajar UMS  
mengadakan  
khidmat  
masyarakat.



SERONOK... Pelajar membuat penyelidikan beramai-ramai.



INDAH...  
Bangunan  
Canselor  
dan  
Dewan  
Canselor.